

05/02/2003

Polis Marin pantau Tasik Putrajaya

Fazli Abdullah

TASIK Putrajaya yang mengelilingi Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan bakal menjadi pusat riadah dan sukan air adalah satu-satunya tasik di Malaysia yang mempunyai Unit Polis Marin sendiri.

Sebelum ini, Tasik Temenggor di Perak mempunyai unit sama tetapi perkhidmatan pasukan itu sudah ditamatkan.

Walaupun kebenaran menggunakan tasik buatan manusia itu masih terhad, termasuk untuk aktiviti memancing (kecuali dengan kebenaran), penempatan anggota Polis Marin amat penting.

Ini kerana tasik seluas kira-kira 600 hektar bermula dari Taman Wetland Putrajaya hingga ke sempadan Cyberjaya menempatkan bangunan strategik kerajaan, terutama kompleks kerajaan termasuk Pejabat Perdana Menteri serta pusat komersial yang masih dalam pembinaan.

Selain itu, pinggir tasik yang sama menempatkan kediaman rasmi Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, juga mempunyai minat tersendiri terhadap pembangunan dan penjagaan tasik itu. Malah, beliau beberapa kali menaiki bot menyusuri tasik itu untuk menikmati panorama dan meninjau pembangunan sekitar Putrajaya.

Selain aspek kawalan keselamatan, kewujudan Polis Marin penting bagi memastikan keselamatan di tasik itu kerana ia bakal menjadi pusat sukan air, termasuk peringkat antarabangsa.

Perdana Menteri ketika merasmikan penyempurnaan tasik itu pada 20 Ogos lalu, bangga dengan pembangunan keseluruhan Tasik Putrajaya dan percaya ia akan lebih cantik dan menarik lagi, selain diharap menjadi kawasan riadah yang popular.

Unit Marin Polis Putrajaya yang diwujudkan pada 1 Julai 1999 ditadbir Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya amat penting dalam memastikan keselamatan berada pada tahap maksimum setiap masa.

Walaupun tanggungjawab agak berbeza berbanding unit yang sama seperti membanteras penyeludupan dan penyusupan pendatang tanpa izin, tugas unit Polis Marin Putrajaya tidak kurang beratnya kerana membabitkan keselamatan kemudahan logistik terpenting negara.

"Selain rondaan biasa di tasik, kami dipertanggungjawab memastikan keselamatan orang kenamaan termasuk Perdana Menteri apabila mereka berada di Tasik Putrajaya.

"Alhamdulillah, setakat ini penugasan kami berjalan lancar dan kita tidak menghadapi sebarang masalah atau ancaman mana-mana pihak," kata Ketua Unit Polis Marin Putrajaya, Cif Inspektor Mohamad Ismail.

Pangkalan Polis Marin Putrajaya yang terletak di kawasan seluas 2.5 hektar di tepi Tasik Putrajaya adalah bangunan pertama dibina di Putrajaya.

Unit itu kini mempunyai 15 anggota dan pegawai, termasuk pakar pelayaran. Ia dilengkapi lapan bot, masing-masing empat bot berkuasa elektrik dan enjin bagi tujuan rondaan dan operasi menyelamat. Bot berkuasa elektrik yang mesra alam adalah pertama dalam Polis Marin. Selain tidak mencemarkan air tasik, ia memberi kesan minimum terhadap hidupan dalam tasik.

Pangkalan berkenaan juga menempatkan sebuah bengkel bagi melakukan kerja pembaikan bot.

Tugas harian anggota Polis Marin Putrajaya ialah meronda sekitar tasik, terutama sekitar kediaman Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri

serta Bangunan Perdana Putra.

Pasukan yang bertugas 24 jam itu juga meninjau tebing tasik yang sebahagian besarnya menempatkan kompleks kerajaan bagi memastikan tidak berlaku runtuh tanah.

Unit itu juga bertanggungjawab sepenuhnya terhadap aspek keselamatan acara yang dianjurkan di tasik itu seperti pertandingan kenu antarabangsa dan memancing yang diadakan sempena sambutan ulang tahun kedua penubuhan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

"Kami akan memastikan tiada pencerobohan atau sebarang ancaman terhadap kepentingan kerajaan dan awam menerusi tasik," kata Mohamad berpengalaman sembilan tahun dalam pasukan Polis Marin.

Mengulas tanggungjawab menjaga keselamatan Perdana Menteri, Mohamad berkata, beliau dan pasukannya bangga dengan amanah dan kepercayaan yang diberikan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk melaksanakan tugas berkenaan.

Selain itu, beliau menyifatkan tugas yang diamanahkan untuk menjaga keselamatan Perdana Menteri ketika menaiki bot adalah kenangan manis pasukannya.

"Mungkin tugas ini tidak diberikan kepada anggota lain dalam Polis Marin, tetapi kami bangga kerana dapat menjaga keselamatan Perdana Menteri," katanya sambil menambah Dr Mahathir begitu mahir dengan selok-belok di Tasik Putrajaya.

"Saya sendiri terpegun dan bangga dengan Perdana Menteri yang begitu arif dengan Tasik Putrajaya apabila beliau sendiri memberi penerangan kepada sahabatnya ketika meninjau tasik," katanya yang mengiringi Dr Mahathir meninjau sekitar tasik, baru-baru ini.